



M A L A Y S I A

# Warta Kerajaan

## S E R I P A D U K A B A G I N D A

### DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 47  
No. 17

**21hb Ogos 2003**

*TAMBAHAN No. 82*  
*PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 309.**

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN BAGI PENINGKATAN  
EKSPORT) (PINDAAN) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun bagi Peningkatan Ekspor) (Pindaan) 2003**.
- (2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2002.

#### **Pindaan kaedah 2**

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun bagi Peningkatan Eksport) 1999 [P.U. (A) 128/1999] dipinda dalam kaedah 2 berkenaan dengan tafsiran “hasil pertanian” dengan memasukkan selepas perkataan “ikan hiasan” perkataan “udang

mentah sejuk beku, udang masak dan dibuang kulit sejuk beku dan sotong dan cumi mentah sejuk beku”.

Dibuat 18 Julai 2003

[Perb. 0.3865/G/7(SJ.) Vol. 6(Sk.1)(4); LHDN. 01/35/(S)/42/51/82-10.1;  
PN(PU<sup>2</sup>)80/XXXVIII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

### INCOME TAX ACT 1967

#### INCOME TAX (ALLOWANCE FOR INCREASED EXPORTS) (AMENDMENT) RULES 2003

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

#### Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Allowance for Increased Exports) (Amendment) Rules 2003**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation on 1 January 2002.

#### Amendment of rule 2

2. The Income Tax (Allowance for Increased Exports) Rules 1999 [P.U. (A) 128/1999] are amended in rule 2 in respect of the interpretation of “agricultural produce” by inserting after the words “ornamental fish” the words “frozen raw prawn or shrimp, frozen cooked and peeled prawn and frozen raw cuttle fish and squid”.

Made 18 July 2003

[Perb. 0.3865/G/7(SJ.) Vol. 6(Sk.1)(4); LHDN. 01/35/(S)/42/51/82-10.1;  
PN(PU<sup>2</sup>)80/XXXVIII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*

**P.U. (A) 310.****AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967****KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS MENGAMBIL  
ALIH SYARIKAT MILIK ASING) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Mengambil Alih Syarikat Milik Asing) 2003.**  
(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 21 September 2002.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“mengambil alih syarikat milik asing” ertinya mengambil alih suatu syarikat milik asing yang terletak di luar Malaysia bagi tujuan memperoleh teknologi tinggi bagi pengeluaran dalam negara atau bagi memperoleh pasaran eksport baru bagi keluaran tempatan sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia;

“syarikat milik tempatan” ertinya suatu syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dengan sekurang-kurangnya 60% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia dan terlibat dalam aktiviti pengilangan, perdagangan atau pemasaran;

“syarikat perintis” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*].

**Potongan**

3. (1) Dalam menentukan pendapatan larasan daripada perniagaan suatu syarikat milik tempatan yang telah melakukan kos bagi mengambil alih suatu syarikat milik asing dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan potongan suatu amaan yang bersamaan dengan satu per lima daripada kos itu bagi tahun taksiran berkenaan dan bagi setiap empat tahun taksiran berikutnya.

- (2) Bagi maksud suatu potongan di bawah subkaedah (1), kos bagi mengambil alih suatu syarikat milik asing hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran jatuhnya tarikh selesai mengambil alih sebagaimana yang ditentusahkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

(3) Jika kos bagi mengambil alih suatu syarikat milik asing dilakukan oleh suatu syarikat perintis, syarikat perintis itu boleh membuat pilihan bahawa potongan yang dimaksudkan dalam subkaedah (1) dibenarkan bagi tahun taksiran pertama dan empat tahun taksiran berikutnya selepas tempoh perintis.

(4) Jika syarikat milik asing yang telah diambil alih dilupuskan dalam tempoh lima tahun dari tarikh selesai mengambil alih, elaun tahunan yang telah dibenarkan hendaklah ditarik balik dalam tahun-tahun taksiran yang elaun itu dibenarkan.

Dibuat 5 Ogos 2003

[Perb. 0.3865/325; LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.3; PN(PU<sup>2</sup>)80/XXXVIII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS  
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

## INCOME TAX ACT 1967

### INCOME TAX (DEDUCTION FOR COST ON ACQUISITION OF A FOREIGN OWNED COMPANY) RULES 2003

In exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

#### Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Cost on Acquisition of a Foreign Owned Company) Rules 2003**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation on 21 September 2002.

#### Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“acquisition of foreign owned company” means acquisition of a foreign owned company located outside Malaysia for the purpose of acquiring high technology for production within the country or for acquiring new export markets for local products as approved by the Malaysian Industrial Development Authority;

“local owned company” means a company incorporated under the Company’s Act 1965 [Act 125] with at least 60% Malaysian equity ownership and involved in manufacturing, trading or marketing activities;

“pioneer company” has the same meaning as defined under section 2 of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327].

**Deduction**

3. (1) In ascertaining the adjusted income from the business of a locally owned company which has incurred cost of acquisition of a foreign owned company in the basis period for a year of assessment, there shall be allowed a deduction of an amount equal to one-fifth of that cost for that year of assessment and for each of the four following years of assessment.

(2) For the purpose of deduction under subrule (1), the cost of acquisition of a foreign owned company is deemed to be incurred in the basis period for the year of assessment in which the date of completion of the acquisition falls as verified by the Malaysian Industrial Development Authority.

(3) Where the cost of acquisition of a foreign owned company is incurred by a pioneer company, the pioneer company may make an election that the deduction referred to in subrule (1) be allowed for the first year of assessment and four subsequent years of assessment in the post pioneer period.

(4) Where the acquired foreign owned company is disposed of within five years from the date of completion of the acquisition, the annual allowance shall be withdrawn in the respective years of assessment such allowance has been allowed.

Made 5 August 2003

[Perb. 0.3865/325; LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.3; PN(PU<sup>2</sup>)80/XXXVIII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*

**P.U (A) 311.****AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

KAEDAH-KAEDAH (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) (PERBADANAN PUTRAJAYA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 120(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah (Pengkompaunan Kesalahan) (Perbadanan Putrajaya) 2003**.
- (2) Kaedah-kaedah ini mula berkuat kuasa pada 21 Ogos 2003.

### **Kesalahan yang boleh dikompaun**

2. Kesalahan di bawah seksyen 48, subseksyen 49(2), seksyen 55, subseksyen 58(3), 65(2), 70(4), 72(7), 75(5), seksyen 76, subseksyen 77(11), 77(12), 79(1). 79(2), seksyen 80, 110 dan subseksyen 115(1) Akta dan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di bawah mana-mana kaedah yang dibuat pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 dan 88 Akta, ditetapkan sebagai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan oleh Perbadanan Putrajaya menurut subseksyen 120(1)(cc) Akta.

### **Pembayaran Kompaun**

3. (1) Apabila sesuatu tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, orang itu hendaklah membuat pembayaran kepada atau atas nama Perbadanan Putrajaya, sama ada secara—

- (a) tunai; atau
- (b) kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau bank draf.

(2) Suatu resit hendaklah dikeluarkan bagi setiap bayaran yang diterima di bawah subkaedah (1) kepada orang yang tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

### **Borang Tawaran Mengkompaun Kesalahan Lalu Lintas**

4. Borang Tawaran Mengkompaun Kesalahan Lalu Lintas yang terkandung dalam Jadual kepada kaedah-kaedah ini bolehlah digunakan bagi tujuan yang ditunjukkan di dalam kandungannya tetapi tiada penyimpangan daripada borang itu boleh menidaksahkan atau menjelaskan kesahan apa-apa kandungan yang dibuat setakat yang penyimpangan itu tidak mempunyai kesan substansial dan tidak dikira mengelirukan.

BORANG (*FORM*)

[Kaedah 4 (*rule 4*)]

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (*ROAD TRANSPORT ACT 1987*)

TAWARAN MENGKOMPAUN KESALAHAN LALU LINTAS (*OFFER TO COMPOUND TRAFFIC OFFENCES*)

Suatu aduan telah dibuat terhadap anda sebagai pemunya berdaftar/pemandu (\*) kenderaan motor yang nombor pendaftaran ..... semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dengan butiran yang berikut:

(*A complaint has been made against you as the registered owner/driver (\*) of the motor vehicle bearing the registration number ..... reasonably suspected of having committed an offence(s) under the Road Transport Act 1987 [Act 333] or any rules made under it with the following particulars:*)

No. notis:  
(*Notice no.*):

Tarikh/Masa Dikeluarkan:  
(*Date/Time issued*):

Tempat Kesalahan:  
(*Place of offence*):

Tarikh/Masa kesalahan:  
(*Date/Time of offence*):

Jenis/Nombor Pendaftaran  
Kenderaan Motor:  
(*Type/Motor Vehicle  
Registration Number*):

Nombor Lesen Kenderaan Motor:  
(*Motor Vehicle Licence Number*):

Jenis Kesalahan (*Type  
of offence(s)*)

Seksyen/Kaedah  
(*Section/Rule*)

Tawaran  
kompaun  
(*Offer to  
compound*)

(1)

(2)

(3)

2. Kompaun maksimum bagi setiap kesalahan yang boleh dikenakan ialah RM300.00. Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 120(1)(cc) Akta Pengangkutan Jalan 1987, saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan yang tersebut dengan jumlah yang dinyatakan di atas.

(*The maximum compound for each offence is RM300.00. In exercise of the powers conferred under paragraph 120(1)(cc) of the Road Transport Act 1987, I hereby offer to compound the offence(s) with the amount as stated above.*)

3. Sekiranya tawaran kompaun diterima, pembayaran dikehendaki dibuat kepada atau atas nama ..... \*\* sama ada secara—

(*If the offer is accepted, payment should be made to or in the name of .....  
\*\* either by—*)

(a) tunai; atau  
(*in cash; or*)

(b) kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank.  
(*money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft.*)

4. Tawaran ini berkuat kuasa sehingga ..... Sekiranya tiada jawapan diterima selepas tarikh ini, tindakan saman akan diambil.

(*This offer remains in force until ..... If there is no response after this date,  
proceedings by summons will be instituted*)

.....  
(tandatangan pegawai dan jawatan)  
(*officer's signature and designation*)  
\* potong yang tidak berkenaan  
(*delete whichever is inapplicable*)

(\* \*)

Dibuat 1 Ogos 2003  
[KP/BD/PJ/0.109/6 Jld. 2; PN(PU<sup>2</sup>)460/XL]

DATUK CHAN KONG CHOY  
*Menteri Pengangkutan*

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (COMPOUNDING OF OFFENCES) (PERBADANAN PUTRAJAYA)  
RULES 2003

IN exercise of the powers conferred by subsection 120(2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Road Transport (Compounding of Offences) (Perbadanan Putrajaya) Rules 2003**.

(2) These Rules come into operation on 21 August 2003.

**Compoundable offences**

2. The offences under section 48, subsection 49(2), section 55, subsections 58(3), 65(2), 70(4), 72(7), 75(5), section 76, subsections 77(11), 77(12), 79(1), 79(2), sections 80, 110 dan subsection 115(1) of the Act and any offences prescribed under any rules made in exercise of the powers conferred by sections 66 and 88 of the Act, are prescribed as offences which may be compounded by Perbadanan Putrajaya in accordance with subsection 120(1)(cc) of the Act.

**Payment of compound**

3. (1) If an offer to compound is made and accepted by the person to whom the offer is made, the person shall make payment to or in the name of Perbadanan Putrajaya, either by—

(a) cash; or

(b) money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft.

(2) A receipt shall be issued for every payment received under subrule (1) to the person to whom the offer to compound is made.

**Offer to Compound Traffic Offences Form**

4. The Offer to Compound Traffic Offences Form contained in the Schedule to these Rules may be used for the purpose indicated by its content but no deviation from such form shall invalidate or affect the legality of any composition made so far as the deviation has no substantial effect and is not calculated misled.

**BORANG (FORM)**  
**[Kaedah 4 (rule 4)]**

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (ROAD TRANSPORT ACT 1987)**

**TAWARAN MENGIKOMPAUN KESALAHAN LALU LINTAS (OFFER TO COMPOUND TRAFFIC OFFENCES)**

Suatu aduan telah dibuat terhadap anda sebagai pemunya berdaftar/pemandu (\*) kenderaan motor yang nombor pendaftaran ..... semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dengan butiran yang berikut:

*(A complaint has been made against you as the registered owner/ driver (\*) of the motor vehicle bearing the registration number ..... reasonably suspected of having committed an offense(s) under the Road Transport Act 1987 [Act 333] or any rules made under it with the following particulars):*

No. notis:  
*(Notice no.):*

Tarikh/Masa Dikeluarkan:  
*(Date/Time issued):*

Tempat Kesalahan:  
*(Place of offence):*

Tarikh/Masa kesalahan:  
*(Date/Time of offence):*

Jenis/Nombor Pendaftaran  
 Kenderaan Motor:  
*(Type/Motor Vehicle  
 Registration Number):*

Nombor Lesen Kenderaan Motor:  
*(Motor Vehicle Licence Number):*

Jenis kesalahan (*Type  
 of offence(s)*)

Seksyen/Kaedah  
*(Section/Rule)*

Tawaran  
 kompaun  
*(Offer to  
 compound)*

- (1)
- (2)
- (3)

2. Kompaun maksimum bagi setiap kesalahan yang boleh dikenakan ialah RM300.00. Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 120(1)(cc) Akta Pengangkutan Jalan 1987, saya dengan ini menawarkan untuk mengikompaun kesalahan yang tersebut dengan jumlah yang dinyatakan di atas.

*(The maximum compound for each offence is RM300.00. In exercise of the powers conferred paragraph 120(1)(cc) of the Road Transport Act 1987, I hereby offer to compound the offence(s) with the amount as stated above).*

3. Sekiranya tawaran kompaun diterima, pembayaran dikehendaki dibuat kepada atau atas nama ..... \*\* sama ada secara—

*(If the offer is accepted, payment should be made to or in the name of .....  
 \*\* either by)—*

- (a) tunai; atau  
*(in cash; or)*
- (b) kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank.  
*(money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft).*

4. Tawaran ini berkuat kuasa sehingga ..... Sekiranya tiada jawapan diterima selepas tarikh ini, tindakan saman akan diambil.

(*This offer remains in force until ..... If there is no response after this date, proceedings by summons will be instituted.*)

.....  
(tandatangan pegawai dan jawatan)  
(officer's signature and designation)

\* potong yang tidak berkenaan  
(*delete whichever is inapplicable*)

(\*)

Made 1 August 2003  
[KP/BD/PJ/0.109/6 Jld. 2; PN(PU<sup>2</sup>)460/XL]

DATUK CHAN KONG CHOY  
*Minister of Transport*

**P.U. (A) 312.**

**AKTA KASTAM 1967**

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM)  
(No. 17) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Mentah Petroleum) (No. 17) 2003** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 21 Ogos 2003 hingga 3 September 2003.

**Pemungutan dan pembayaran duti kastam**

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 1996 [P.U. (A) 15/96], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

**CUSTOMS ACT 1967**

CUSTOMS (VALUES) (CRUDE PETROLEUM OIL) (No. 17) ORDER 2003

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Crude Petroleum Oil) (No. 17) Order 2003** and shall have effect for the period from 21 August 2003 to 3 September 2003.

### Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1996 [P.U. (A) 15/96], the value of each of the dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be value specified in column (4) of the said Schedule.

#### JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods) (1)	No. Kepala (Heading No.) (2)	Unit (Unit) (3)	Nilai (Value) (4)
<b>PETROLEUM OILS AND OILS OBTAINED FROM BITUMINOUS MINERALS, CRUDE:</b>			
Tapis Blend	2709.00 100	per barrel	RM108.15
Labuan Crude	2709.00 100	per barrel	RM108.15
Miri Light Crude	2709.00 100	per barrel	RM108.15
Dulang	2709.00 100	per barrel	RM106.13
Bintulu Crude	2709.00 100	per barrel	RM107.01
Terengganu Condensate	2709.00 900	per barrel	RM103.59
Bintulu Condensate	2709.00 900	per barrel	RM103.97
Minyak Mentah Fairley Baram	2709.00 100	per barrel	RM103.66
Masa	2709.00 100	per barrel	RM108.15
Asam Paya	2709.00 100	per barrel	RM103.66
Kidurong	2709.00 100	per barrel	RM101.46

Dibuat 14 Julai 2003

Made 14 July 2003

[KE. HT(34.11) 819/01-1/Klt. 7/(26); R.9003/54z-40;  
PN(PU<sup>2</sup>)338/VIII Klt. 1]

Dengan arahan Menteri Kewangan.  
*By direction of the Minister of Finance.*

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/  
*On behalf and in the name of the Minister of Finance*

KAMARIAH BINTI HUSSAIN  
*Setiausaha*  
*Bahagian Analisa Cukai*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA